

## SOALAN-SOALAN LAZIM VAKSIN COVID-19 & PENYUSUAN ANAK DAMIT

### **1. Adakah wanita yang menyusukan anak damit atau memberikan susu ibu dibenarkan menerima suntikan vaksin COVID-19?**

Ya. WHO mengesyorkan bahawa jika wanita yang menyusukan anak damit adalah sebahagian daripada kumpulan 'berisiko tinggi' seperti petugas kesihatan atau sebahagian daripada kumpulan berisiko tinggi yang digalakkan untuk mendapatkan vaksinasi (sebagai contoh, wanita yang mempunyai masalah diabetes dan / atau obesiti), vaksinasi BOLEH ditawarkan. Oleh itu, wanita sihat yang sedang menyusukan anak damit atau memberikan susu ibu boleh memilih untuk menerima suntikan vaksin.

### **2. Apakah yang perlu diketahui oleh wanita yang menyusukan anak damit atau memberikan susu ibu mengenai vaksin ini?**

- Penyusuan susu ibu adalah sangat penting untuk kesihatan anak damit dan ibunya.
- Vaksin COVID-19 TIDAK mengandungi virus, oleh itu ia tidak berupaya untuk menyebabkan jangkitan.
- Tidak ada kajian yang menyelidik secara khusus sama ada vaksin COVID-19 boleh masuk / bercampur dengan susu ibu. Jika ia ianya bercampur bersama susu ibu, risiko kepada anak damit adalah rendah.
- Antibodi dalam susu ibu diketahui boleh membantu melindungi anak damit daripada pelbagai jenis jangkitan. Antibodi terhadap virus telah dikesan pada susu ibu yang telah dijangkiti COVID-19. Oleh itu, mendapatkan vaksin bermaksud antibodi yang dihasilkan oleh vaksin juga boleh sampai ke dalam susu ibu dan sejurus itu membantu melindungi anak damit daripada jangkitan COVID-19.

### **3. Adakah selamat untuk wanita menyusukan anak damit selepas menerima vaksin?**

Ya. Menurut WHO, wanita yang diberikan vaksin harus digalakkan untuk meneruskan penyusuan anak damit untuk memberikan perlindungan kepada anak tersebut.

### **4. Adakah vaksin boleh mengurangkan bekalan susu?**

Vaksinasi tidak akan mempengaruhi kemampuan wanita untuk menghasilkan susu. Wanita yang menyusukan anak damit atau memberikan susu ibu perlu yakin bahawa vaksinasi tidak akan mempengaruhi bekalan susu mereka.

**Rujukan:**

IFE Core Group, UNICEF, COVID-19 Infant Feeding Working Group. Frequently asked questions: COVID-19 mRNA vaccines and breastfeeding based on WHO SAGE interim recommendations (10 February 2021).  
<https://www.ennonline.net/breastfeedingandcovid19vaccines>